



NOTA PANDUAN BORANG CKHT 3 – Pin. 1/2022

	Ruangan	Catatan
MAKLUMAT ASAS		
A1	Nama pelupus	<p>Isi maklumat asas pelupus. Pelupus terdiri daripada:</p> <p>(a) Individu / Syarikat / Pertubuhan / Persatuan / Perkongsian / Keluarga Sekutu Hindu;</p> <p>(b) Nominasi;</p> <p>(c) Pentadbir harta pusaka (Wasi); atau</p> <p>(d) Pemegang amanah.</p> <p>Kes pelupusan secara lelongan Maklumat pelupus ialah maklumat tuan punya harta tanah berkenaan.</p>
A2	No. pengenalan	Isikan maklumat seperti dalam kad pengenalan / tentera / polis / pasport terkini / sijil pendaftaran
A3	No. cukai pendapatan	<p>Isikan SG / OG / C / TP / F / D diikuti dengan nombor cukai pendapatan.</p> <p>Contoh : OG 10234567080</p> <p>Sekiranya tiada nombor cukai pendapatan, pendaftaran boleh dibuat melalui e-Daftar (www.hasil.gov.my) atau di cawangan LHDNM berhampiran.</p>
A4	Maklumat aset	Isi maklumat aset seperti dalam Perjanjian Jual Beli / Memorandum Pindah Milik / geran / sijil syer.
A5	Nama pemeroleh	<p>Isikan nama pemeroleh. Pemeroleh terdiri daripada:</p> <p>(a) Individu / Syarikat / Pertubuhan / Persatuan / Perkongsian / Keluarga Sekutu Hindu;</p> <p>(b) Nominasi;</p> <p>(c) Pentadbir harta pusaka (Wasi); atau</p> <p>(d) Pemegang amanah.</p>
BAHAGIAN B : KATEGORI PENGECCUALIAN / PELUPUSAN TIDAK DIKENAKAN CUKAI		
B1a	Pengeccualian cukai untuk pelupusan rumah kediaman di bawah Seksyen 8 ACKHT 1976	Pelupus yang layak menuntut pengeccualian ini adalah individu warganegara / pemastautin tetap yang belum pernah membuat permohonan pengeccualian rumah kediaman persendirian di bawah Perenggan 9 Jadual 3 ACKHT 1976 sebelum ini.
B1b	Pelupusan aset yang mengakibatkan kerugian kerana harga pelupusan adalah kurang daripada harga pemerolehan / pelupusan aset yang tiada untung atau rugi	<p>Pelupusan tidak dikenakan cukai selepas pengiraan cukai keuntungan harta tanah iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga pelupusan adalah kurang daripada harga pemerolehan; atau • Harga pelupusan adalah sama daripada harga pemerolehan.
B1c	Pelupusan aset yang tidak dikenakan cukai menurut perenggan 17 Jadual 2 ACKHT 1976	<p>Pelupusan aset di antara syarikat dalam kumpulan yang sama di bawah Perenggan 17 Jadual 2 ACKHT 1976.</p> <p>Sila lampirkan surat kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.</p>

	Ruangan	Catatan
B1d	Pelupusan aset yang dikecualikan cukai di bawah Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) / surat pengecualian	<p>Nyatakan nombor perintah / surat pengecualian yang berkaitan.</p> <p>Contoh nombor Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian):</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U. (A) 360 • P.U. (A) 218
B1e	Pelupusan aset yang tidak dikenakan cukai / dikecualikan cukai	<p>Nyatakan peruntukan ACKHT yang berkaitan.</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada keuntungan setelah ditolak pengecualian Perenggan 2 Jadual 4 ACKHT 1976. • Transaksi pelupusan di mana harga pelupusan dianggap sama dengan harga pemerolehan yang tertakluk di bawah Perenggan 3 Jadual 2 ACKHT 1976. • Transaksi pelupusan secara pemberian kasih sayang di bawah Perenggan 12 Jadual 2 ACKHT 1976. • Pelupusan melebihi tempoh lima (5) tahun di bawah Bahagian 1 Jadual 5 ACKHT 1976
AKUAN PELUPUSAN		
Perakuan yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan.		